

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM SILATURRAHIM PERSATUAN PANDU PUTERI
MALAYSIA
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 23-08-1992

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun; Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun.

Patik selaku Yang di-Pertua, Persatuan Pandu Putri Malaysia dan bagi pihak Persatuan Pandu Puteri Malaysia merafak sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Muli Tuanku mencemar duli berangkat ke majlis makan malam ini.

Ampun Tuanku.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia telah menyerikan majlis ini dan memberi erti yang sangat besar kepada patik ahli- ahli Pandu Puteri dan peserta-peserta Ekspedisi sekalian.

Patik juga menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan sijil-sijil penyertaan dan cenderamata penghargaan kepada pacal-pacal peserta Ekspedisi dan para dermawan sekalian.

Ampun Tuanku.

Patik mohon limpah perkenan dan keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk berucap kepada para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku.

Yang Amat Berbahagia Puan Sri Asbi Rohani bt Asnan, Isteri Menteri Besar Selangor Darul Ehsan, Merangkap Pengerusi Persatuan Pandu Puteri Negeri Selangor; Yang Mulia Tunku Dato Seri Hamdah bt Tunku Besar Burha nuddin, Naib Yang di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia; Yang Berusaha Puan Nik Faizah bt. Nik Mustapha, Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Saya merasa bangga kerana Kelab Renjer Pandu Puteri Malaysia dapat mengelolakan satu acara Ekspedisi sempena menyambut 75 tahun kepanduan di Malaysia.

2. Selain daripada itu Ekspedisi ini juga adalah sebagai satu cara untuk mengisi Tabung Bangunan bagi memperbaiki bangunan Ibu Pejabat Kebangsaan yang sangat uzur keadaannya.

3. Saya merasa bangga kerana kedua-dua matlamat ini telah tercapai dan saya mengucapkan tahniah kepada pengajur Ekspedisi ini.

4. Ini adalah julung-julung kali Persatuan Pandu Puteri Malaysia mempunyai acara sebegini rupa yang berbeza daripada kegiatan-kegiatan kepanduan yang lain.

5. Ekspedisi ini dianggotai seratus orang peserta dari seluruh negara termasuk peserta dari Amerika Syarikat, Scotland dan England.

6. Ekspedisi ini juga telah menjelajah ke banyak bandar di Semenanjung Malaysia, menabur muhibah dan mengeratkan tali silaturrahim dan perpaduan dengan ahli-ahli Pandu Puteri dan masyarakat tempatan.

7. Dengan Ekspedisi ini Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah melangkah setapak lagi ke hadapan di dalam kegiatan- kegiatannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Kini ahli-ahli Pandu Puteri telah berani menempuh cabaran seperti mengadakan kegiatan berekspedisi berkereta selama sembilan hari mulai dari 15 Ogos hingga 23 Ogos 1992.

9. Di dalam tempoh menjelajah ke seluruh Semenanjung negara ini banyak peristiwa dan kenangan manis dialami.

Pengalaman ini akan menjadi kenangan manis di dalam hidup para peserta.

10. Ekspedisi ini bukan sahaja satu acara yang menarik tetapi juga adalah besar ertinya kepada para peserta dan ahli-ahli Pandu Puteri yang menunggu di negeri-negeri lain kerana mereka dapat bersua muka dan menjalinkan hubungan persaudaraan dalam kepanduan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Harapan saya ialah semoga ulangtahun kepanduan yang akan datang akan lebih cemerlang dengan acara-acara yang lebih dinamik dan bermanfaat kepada Pergerakan Pandu Puteri dan negara.

12. Saya difahamkan bahawa sambutan meriah telah diberikan oleh Persatuan-Persatuan Pandu Puteri Negeri. Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat kerana membantu Ekspedisi ini dan menyambut baik kunjungan mereka.

13. Kebawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Perlis dan Perak telah menjamu para peserta Ekspedisi di jamuan-jamuan makan malam. Persatuan Pandu Puteri Malaysia menjunjung kasih tidak terhingga di atas limpah kurnia Tuanku itu.

14. Yang Amat Berhormat-Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar dan Kerajaan-Kerajaan Negeri juga telah membantu Ekspedisi ini dengan memberi jamuan makan tengahari dan sebagainya.

15. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka semua kerana membantu menjayakan Ekspedisi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih di atas sumbangan-sumbangan yang telah dihulurkan oleh penaja-penaja dan penderma-penderma iaitu Pengurusan Lebuhraya Berhad, Projek Lebu Raya Utara Selatan Berhad, Utusan Malaysia Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, Nutritional Products dan semua lain yang telah menyumbang kepada acara Ekspedisi Muhibah 1992 ini baik daripada segi kebendaan, wang ringgit, tenaga dan fikiran.

Ampun Tuanku, Beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
